



(<https://itunes.apple.com/gb/app>

/utusan-



(<https://play.google.com>

(<https://www.facebook.com>

/UtusanBorneo/10151781812) m.borneopost

Halaman Utama (/) » Sarawak (<http://www.utusanborneo.com.my/sarawak>) » Pertahan prinsip, etika agar bebas rasuah

Pertahan prinsip, etika agar bebas rasuah

© 2018-03-01 oleh Saleman Senin

Penjawat awam harus bersifat amanah, telus, bertanggungjawab, berhemah tinggi



IKRAR: Ahli MDB mengangkat sumpah sebagai tanda menolak rasuah pada Majlis Ikrar Bebas Rasuah Peringkat Majlis Daerah Betong di pejabat Majlis Daerah Betong, kelmarin.

BETONG: Sifat amanah, telus, bertanggungjawab dan berhemah tinggi dalam kalangan penjawat awam dituntut bagi mengelak terjerumus dalam gejala rasuah.

Pegawai Daerah Betong Sofhi Jebal berkata, perkhidmatan berkualiti yang ditunjukkan penjawat awam dalam tugas harian memberi impak positif kepada seluruh agensi.

"Integriti dan etika dalam pekerjaan, selain sikap toleransi yang tinggi memainkan peranan penting untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan.

"Bukan sekadar melibatkan kepentingan individu untuk menyediakan keperluan diri, malah melibatkan tindakan baik dalam pekerjaan dan etika kerja yang wajib dipatuhi semua kakitangan awam," katanya.

Belia berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Ikrar Bebas Rasuah Peringkat Majlis Daerah Betong di pejabat Majlis Daerah Betong (MDB) di sini, kelmarin.

Sofhi yang juga pengerusi MDB menegaskan bahawa banyak kepentingan diri yang wajib dilaksanakan dengan tindakan jujur dan amanah bagi mengelakkan penyelewengan dalam urusan bersama pelanggan terutama masyarakat sekeliling.

"Mempertahankan prinsip serta keyakinan diri dapat menjamin perkhidmatan berkualiti, sekali gus melahirkan individu yang bebas rasuah dan tegas dalam segala urusan," tambahnya.


Seramai 31 ahli MDB dan 59 kakitangan MDB menyertai lafaz Ikrar Bebas Rasuah yang diketuai Sofhi.


Turut diadakan majlis menandatangani surat perjanjian bebas rasuah di hadapan pegawai SPRM.


Hadir sama Timbalan Pengerusi MDB Kaunselor Mohammad Rajuna Omar, Setiausaha MDB Charlie Keling, Penguasa Kanan SPRM Sibuh Rasimah Asdari dan Penolong Kanan Penguasa SPRM Badli Shah Shamin serta ahli MDB.

Kategori Sarawak (/sarawak)



 Facebook (<https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=http://www.utusanborneo.com.my/2018/03/01/pertahan-prinsip-etika-ag>)

 Twitter ([https://twitter.com/intent/tweet?text=\\$twitter_msg&url=http://www.utusanborneo.com.my/2018/03/01/pertahan-prinsip-e](https://twitter.com/intent/tweet?text=$twitter_msg&url=http://www.utusanborneo.com.my/2018/03/01/pertahan-prinsip-e))

 Google+ (<https://plus.google.com/share?url=http://www.utusanborneo.com.my/2018/03/01/pertahan-prinsip-etika-agar-bebas-rasua>)

 Email ([mailto:?subject=\\$title&body=http://www.utusanborneo.com.my/2018/03/01/pertahan-prinsip-etika-agar-bebas-rasuah](mailto:?subject=$title&body=http://www.utusanborneo.com.my/2018/03/01/pertahan-prinsip-etika-agar-bebas-rasuah))

 Print



Utusan Borneo Online
146,482 likes

Like Page  **Share**

Be the first of your friends to like this



© Copyright 2018, Utusan Borneo Online

